

20 OCT 1999

Razaleigh-PAS

PAS KELANTAN SEMAKIN CEMAS DENGAN SOKONGAN RAKYAT PADA BN

KOTA BAHARU, 20 Okt (Bernama) -- PAS Kelantan semakin cemas dengan peningkatan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) khususnya Umno dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau berkata keadaan cemas itu menyebabkan pemimpin PAS kebelakangan ini tidak mengamalkan sikap "gentlemen" hingga sanggup menyerang peribadi serta menyebarkan khabar angin yang diharap boleh melaga-lagakan sesama pemimpin-pemimpin Umno negeri ini.

"Nampak sokongan rakyat pada kita (BN) meningkat sekarang, mungkin itu menyebabkan mereka (pemimpin PAS) menyerang peribadi pemimpin Umno sekarang...itu tidak gentlemen namanya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh yang juga anggota Parlimen Gua Musang berkata, PAS telah kehabisan modal sehingga sanggup menyatakan kononnya beliau akan bertanding di Parlimen Peringat yang sekarang diwakili Pengerusi Barisan Nasional Kelantan Datuk Annuar Musa, pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata parti itu boleh membuat pelbagai andaian untuk melagakan pemimpin-pemimpin Umno tetapi keputusan muktamad terletak pada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

"Saya berpegang kepada peraturan dalam parti, kalau presiden menetapkan saya bertanding maka saya bertanding di tempat yang ditentukannya, kalau presiden kata saya tak bertanding, saya tidak bertandinglah tetapi saya akan terus bekerja untuk parti," katanya.

Ditanya adakah beliau masih ingin bertanding di Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh berkata "mana-mana tempat pun saya akan timbangkan kalau ditawarkan bertanding, dengan ikhlas hati saya akan terima".

Merujuk kepada tindakan penyokong PAS yang dikatakan bersikap agak agresif dan menimbulkan provokasi kepada anggota Umno dalam satu ceramah anjuran BN di sini Ahad lepas, beliau berharap penyokong Umno tidak mengikuti contoh buruk parti lawan kerana boleh menyebabkan keadaan tidak aman.

Beliau juga menasihatkan pemimpin dan penyokong PAS supaya lebih terbuka dengan tidak bertindak membelakangi peraturan dan undang-undang khususnya apabila mendengar pendedahan kelemahan PAS semasa Umno berceramah.

Amalan demokrasi negara ini memberi peluang kepada semua pihak memberi penerangan kepada rakyat untuk membolehkan mereka membuat pilihan terbaik bagi memilih kerajaan pada pilihan raya umum.

"Tidak perlu timbul kacau bilau, itu bukan budaya kita, tidak ada sesiapa yang akan untung. Islam mahukan kita bersabar kerana ianya sebahagian daripada iman," katanya.

Mengenai tawaran jawatan Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri Kelantan kepada Tengku Razaleigh sekiranya PAS terus memerintah negeri ini selepas pilihan raya ini, beliau berkata tawaran itu bererti PAS tidak ada kemampuan untuk membangunkan ekonomi di mana-mana pun termasuk di Kelantan.

Beliau berkata tawaran PAS itu sudah terlewat kerana sepatutnya dilakukan semasa beliau berada dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang membantu PAS menjadi kerajaan Kelantan sekarang.

Ahad lepas, Ketua Pemuda Pas Kelantan Takiyuddin Hassan berkata tawaran itu selaras dengan kedudukan Tengku Razaleigh yang mempunyai kepakaran dalam bidang ekonomi.

Sementara itu mengulas kenyataan Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail bahawa pilihan raya umum akan datang mungkin diadakan tahun depan, Tengku Razaleigh berkata bila-bila masa pun baik untuk diadakan pilihan raya kerana rakyat bersedia untuk ambil bahagian dalam pilihan raya.

"Kejernihan keadaan daripada banyak isu yang digembar-gemburkan sebelum ini telah memihak kepada BN, nampaknya rakyat akan undi BN," katanya.

-- BERNAMA

BD PR